

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan **langkah-langkah dan usaha** Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia dan RISDA untuk **membantu pekebun-pekebun kecil lada dan getah** untuk **meningkatkan hasil produk pertanian** mereka di **Sarawak**.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan sedikit sebanyak permintaan untuk keluaran sektor agrikomoditi negara yang turut menyebabkan kejatuhan harga agrikomoditi. Hal ini telah memberi kesan terhadap pekebun kecil sektor agrikomoditi termasuk pekebun kecil sektor lada dan getah di seluruh negara.

Sehubungan itu, Kementerian melalui Agensi-agensi di bawahnya sentiasa prihatin dan berusaha untuk membantu pekebun kecil lada dan getah bukan sahaja di negeri Sarawak malah di seluruh negara untuk meningkatkan hasil pertanian dan pendapatan mereka melalui usaha-usaha seperti berikut:

SEKTOR LADA:

- Menyediakan peruntukan berjumlah RM16.1 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Tahun 2020. Peruntukan ini meliputi bantuan bagi mendapatkan input pertanian, peralatan pertanian dan selenggara kebun lada supaya hasil yang dikeluarkan adalah di tahap maksimum. Sehingga 30 Oktober 2020, seramai 28,815 pekebun kecil telah menerima bantuan PRE melibatkan keluasan 5,373.2 hektar dengan nilai RM14.1 juta. Dari jumlah berkenaan, seramai 28,607 pekebun lada melibatkan keluasan 5,328.5 hektar dengan jumlah bantuan bernilai RM 14.003 juta adalah di negeri Sarawak.
- Menyediakan bantuan insentif infrastruktur peralatan ladang seperti pelantar jemuran, pelerai (*thresher*), pengipas (*blower*), pengasing (*spiral separator*), stor penyimpanan peralatan ladang dan empangan anak sungai bagi membantu pekebun mengeluarkan hasil lada yang berkualiti.

SEKTOR GETAH:

Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut menyalurkan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada pekebun kecil di Sarawak. Bagi tempoh Januari hingga September 2020, sebanyak RM1.41 juta telah dibayar kepada 4,342 tuntutan pekebun kecil dengan melibatkan 986,380.77 kg pengeluaran getah.

Selain itu, Kementerian juga melalui Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) masih meneruskan Program Tanam Baru Getah Berkelompok bagi Tahun 2020. Terdapat dua (2) projek yang telah diluluskan dibawah *High Impact Project* (HIP) seperti berikut:

- Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sarawak) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM12 juta. Program ini adalah projek Sambungan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10); dan
- Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sarawak) dengan peruntukan berjumlah RM30 juta dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) turut komited membantu pekebun kecil getah meningkatkan hasil pertanian dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

(a) Program Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)

RISDA menyediakan bantuan input pertanian yang terdiri daripada baja dan racun rumpai serta bahan rangsangan lateks kepada pekebun kecil yang mempunyai kebun-kebun getah bertoreh dengan tujuan meningkatkan produktiviti kebun seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah. Kelayakan pekebun kecil juga bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

(b) Program Latihan Amalan Pertanian Baik (GAP)

RISDA juga memberi bimbingan dan latihan kepada pekebun kecil getah melalui dua kaedah pelaksanaan GAP seperti berikut:

- (i) Latihan secara formal dimana pekebun kecil akan menjalani latihan di pusat latihan yang dipilih. Pekebun kecil akan didedahkan dengan pelaksanaan GAP secara teori dan praktikal; dan
- (ii) Latihan secara informal seperti sesi tunjuk ajar dan bimbingan serta latihan secara *hands-on* di kebun pekebun kecil yang terlibat.

Sekian, terima kasih.